

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9378

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah serangan dan sasaran oleh ISIS dan kumpulan pengganas lain di Malaysia sejak 2013, tindakan yang diambil untuk mencegah perbuatan ganas dan menghalang rakyat Malaysia yang menyertai kumpulan pengganas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Malaysia juga tidak terkecuali daripada ancaman Daesh ini. Serangan pertama oleh Daesh di Puchong pada 28 Jun 2016 menunjukkan bahawa mereka mampu untuk melaksanakan serangan melalui operasi bersenjata dan pengeboman di tempat-tempat awam.

Berdasarkan hasil pemantauan dan risikan yang dilakukan oleh pihak polis, sebanyak 13 rancangan serangan pengganas Daesh telah berjaya dipatahkan. Sehubungan itu, Kerajaan dan pasukan keselamatan sentiasa memperhalusi perkembangan berkait kegiatan keganasan ini secara berterusan setelah mengambil kira trend ancaman keganasan secara global. Kementerian melalui Polis DiRaja Malaysia telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:-

- 1) Secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak Polis telah membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas;**

- 2) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;
- 3) Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;
- 4) Kerajaan juga dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan;
- 5) Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan

Polis DiRaja Malaysia kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO;

- 6) Selain itu, kerjasama antara pihak polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang; dan**
- 7) Menahan mereka di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Mereka yang ditahan akan menjalani program pemulihan secara bersepadu melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).**

Sebelum saya mengakhiri jawapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di atas kejayaan mereka mengekang elemen-elemen kumpulan pengganas Daesh ini daripada terus berkembang di negara ini.

Saya juga ingin menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia untuk sama-sama berganding bahu memerangi kumpulan pengganas Daesh ini dengan menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Sesungguhnya tanggungjawab menjaga keselamatan negara adalah tanggungjawab kita bersama.